

TARIKH: 2/6/23
SURAT KHBAR: Harian Metro
MUKA SURAT :

Lokal Jumaat 02.06.2023 | Harian Metro

Pekerja dibawa masuk perlu ada kerja: Sivakumar

Bayan Lepas: Kementerian Sumber Manusia memandang serius isu pekerja asing ditinggalkan dalam keadaan tidak menentu tanpa pekerjaan selepas tiba di negara ini.

Menterinya, V Sivakumar berkata, majikan tidak boleh membawa pekerja asing sewenang-wenangnya masuk ke negara ini jika tiada pekerjaan seperti dijanjikan.

"Kementerian sangat prihatin mengenai perkara ini dan saya beri arahan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk memastikan pekerja yang dibawa masuk ke negara ini sememangnya mempunyai pekerjaan.

"Tindakan sudah diambil dan kita akan pastikan pada masa hadapan perkara seperti ini tidak berulang lagi," katanya ringkas ketika ditemui pada Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2023 di sini, semalam.



Tindakan sudah diambil dan kita akan pastikan pada masa hadapan perkara seperti ini tidak berulang lagi"

V Sivakumar

Beliau mengulas isu ratusan pekerja asing yang mendakwa membayar levi untuk bekerja di Malaysia namun tiada pekerjaan ditawarkan apabila tiba di negara ini.

Awal bulan ini beberapa portal berita termasuk agensi luar negara melaporkan beratus-ratus pendatang asing kebanyakannya dari Bangladesh dan Nepal ditinggalkan dalam keadaan tidak menentu selepas membayar ribuan ringgit kepada ejen.



KON Yeow (dua dari kiri) bersama Sivakumar (tiga dari kanan) melawat pameran pada Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2023, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL